

MAY 2000□□□

MAHATHIR LAWAT KAKAKNYA DI PUSAT RAWATAN

ALOR SETAR, 30 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir□□□□ Mohamad hari ini melawat kakaknya, Habsah, yang sedang menerima rawatan □kerana kecederaan kaki kirinya di Pusat Pakar Utara (PPU) di sini Dr Mahathir tiba di hospital itu pukul 11.45 pagi dan berada dalam□□□□ bilik wad kakaknya di tingkat dua pusat perubatan itu selama kira-kira 45 □minit

Habsah yang dimasukkan ke hospital itu dua hari lepas, selamat□□□□ menjalani pembedahan kecil di kakinya semalam, yang dilakukan oleh pakar □ortopedik Dr Sarwan Singh

Habsah, 83, kakak kedua Perdana Menteri, mengalami kecederaan di□□□□ bahagian atas pergelangan lutut kaki kirinya selepas terjatuh ketika □mengambil wuduk di rumahnya di Taman Malek pada Ahad lepas □Semalam isteri Dr Mahathir, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali□□□□ meluangkan masa lebih tiga jam di PPU sehingga Habsah selesai menjalani □pembedahan itu

□Dr Mahathir dijadual pulang ke Kuala Lumpur petang ini□□□□

BERNAMA□--□□□□

MZM MN NMO□□□□